

NO. SOALAN: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

RUJUKAN : 7259

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelaksanaan yang ditambah baik dalam Sistem Imigresen Malaysia (myIMMS) terhadap warga asing yang memasuki negara.

JAWAPAN:

Kementerian sentiasa peka dengan keperluan untuk menambahbaik Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs).

Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah membuat cadangan-cadangan penambahbaikan untuk memperketatkan sistem kawalan kemasukan rakyat luar negara ke negara ini seperti berikut:-

- 1. Melaksanakan *Advanced Passengers Screening System (APSS)* sebagai suatu sistem jaringan maklumat komprehensif dan menyeluruh yang akan menghubungkan kesemua pintu-pintu masuk sempadan negara dengan sistem maklumat berkaitan pengembara yang diperolehi dari serata dunia. APSS boleh membantu agensi-agensi di pintu masuk untuk melaksanakan kawalan dengan lebih selamat, cekap dan mengurangkan tempoh menunggu, memandangkan data-data maklumat pengembara telah sedia disaring dan diperolehi dengan lebih awal sebelum pengembara tiba. Selain itu, APSS juga dapat memberi respon yang cepat dari pengkalan data yang telah diintegrasikan seperti INTERPOL '*Lost and stolen passport*' dan *APEC Regional Movement and Alert System (RMAS)*. Lebih dari 20 pengkalan data yang akan diintegrasikan dalam sistem ini yang mempunyai keupayaan untuk dikongsi bersama agensi risikan keselamatan antarabangsa;**

2. **Jabatan Imigresen Malaysia juga akan memperkenalkan kembali pengisian Kad Mendarat (IMM 26) yang perlu diisi oleh para warganegara asing yang akan memasuki negara ini;**
3. **Memasang kamera *facial recognition* yang berdefinasi tinggi di kaunter-kaunter pemeriksaan Imigresen di pintu-pintu masuk; dan**
4. **Memasang *Closed Circuit Television (CCTV)* resolusi tinggi bagi tujuan pengawasan di pintu-pintu masuk bagi mengekang sindiket penyeludupan manusia.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN
DARIPADA HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah menengah kebangsaan Tahfiz Ulul Al-Bab seluruh negara yang telah diwujudkan dan nyatakan sejauh manakah pencapaian sekolah-sekolah ini bagi melahirkan modal insan yang Holistik, Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mulai tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) kepada tiga buah sekolah iaitu SMKA Kedah, SMKA Kuala Lumpur dan SMAP Bentong Pahang. Pelaksanaan pada tahun ini melibatkan seramai 45 orang guru tahfiz dan 445 orang murid. Peluasan TMUA akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula tahun 2015 hingga 2017 ke seluruh negara.

Dalam perancangan KPM, pada tahun 2017 sebanyak 15 buah sekolah akan melaksanakan TMUA. Murid-murid TMUA diprogramkan untuk menghafaz sebanyak 6 juzuk untuk tingkatan satu, 7 juzuk untuk

tingkatan dua, 6 juzuk untuk tingkatan tiga, 7 juzuk untuk tingkatan empat dan 4 juzuk untuk tingkatan lima. Dapatan yang diperoleh oleh KPM pada bulan September 2014, menunjukkan sebanyak 61% murid telah melepasi hafazan melebihi tiga juzuk daripada enam juzuk yang telah ditetapkan.

RT09